



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan permainan tradisional.**Berdasarkan maklumat tersebut, tulis pendapat anda tentang permainan tradisional.**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

KUALA LUMPUR: Permainan tradisional yang merupakan khazanah negara perlu dijadikan sebahagian daripada kokurikulum di sekolah, bagi memberikan pendedahan dan mempopularkan kembali permainan itu kepada generasi baharu. Antara usaha mengekalkan kesinambungan warisan permainan tradisional negara ini, wajar pihak yang bertanggungjawab memastikan permainan ini dijadikan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Permainan Tradisional Perlu Dijadikan Kokurikulum Di Sekolah’
<https://thesun.my/> -16/9/2023

**Pertandingan
PERMAINAN TRADISIONAL
MELAYU**
Antara Kolej Kediaman

5 Disember 2025
 ➤ 9 Pagi - 12 Tengah hari
 ➤ Dataran Canselori

Kategori Lelaki
 Bulu Ayam
 Ceper
 Dam Haji
 Gasing
 Galah Panjang
 Ketinting

Kategori Wanita
 Batu Seremban
 Congkak
 Dam Haji
 Ketinting
 Lompat Getah

Program Permainan Tradisional & Busana Melayu
 Anjuran:
 Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
 Dengan Kerjasama:
 Pusat Kebudayaan UKM
 Muzium Warisan Akademik

Daftar Sekarang !
 Emel: muhdshafiq@ukm.edu.my
 Tel: 038921 5280
 Faks: 038925 4698

Sumber: ‘Pertandingan Permainan Tradisional Melayu’
<https://www.ukm.my>

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Sejak kebelakangan ini, isu depresi dan kemurungan menjadi polemik yang dibincangkan dalam masyarakat konvensional. Masalah depresi atau kemurungan berpunca daripada tekanan atau stres yang berpanjangan, keterlaluhan dan tiada kemampuan daya bertindak seseorang individu terhadap masalah tersebut. Sesiapa sahaja sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa serta warga emas boleh mengalami stres atau tekanan. Individu boleh membendung tekanan dan stres dengan mempelajari kawalan emosi sendiri. Selain itu, berkongsi masalah yang telah dihadapi dengan individu yang dipercayai dan melakukan aktiviti riadah juga merupakan alternatif lain yang dapat dilakukan oleh individu bagi mengelakkan tekanan dan stres.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Cara-cara Menangani Tekanan dan Stres dalam Kehidupan Sehari-hari”
<https://k10.upm.edu.my/>

Berdasarkan petikan di atas, huraikan cara-cara menangani stres yang boleh dilakukan oleh individu.

- 2 Mulai tahun 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus bagi semua calon yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kepentingan mata pelajaran itu dilihat dari segi perspektif yang lebih luas, terutama bagi memupuk semangat patriotisme murid secara mendalam dan tidak sekadar terhad untuk mendapatkan sijil semata-mata. Sejarah penting untuk dipelajari bagi memastikan kesilapan lalu tidak berulang kembali dan jasa-jasa para pejuang tidak dilupakan begitu sahaja.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kepentingan Sejarah”
oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin
Berita Harian, 17 October 2018

Sebagai seorang murid yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia tidak lama lagi, huraikan kepentingan-kepentingan yang terdapat dalam petikan apabila murid mempelajari mata pelajaran Sejarah.

[Lihat halaman sebelah

- 3 Memasuki alam pekerjaan merupakan satu langkah penting dalam kehidupan seseorang. Alam pekerjaan merupakan fasa seseorang itu mula mengambil tanggungjawab yang lebih besar, bukan sahaja terhadap diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat. Kemahiran teknikal dan profesional yang relevan dengan bidang pekerjaan juga perlu dipertingkatkan. Alam pekerjaan bukan sahaja memerlukan kemahiran komunikasi berkesan tetapi juga persiapan mental dan emosi. Sikap yang positif dan proaktif juga akan memberi kesan besar terhadap kejayaan anda dalam alam pekerjaan. Sikap ini bukan sahaja dihargai oleh majikan tetapi juga membantu anda dalam menghadapi cabaran yang mungkin timbul.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Persediaan Menempuh Alam Pekerjaan”
<https://www.maukerja.my>

Berdasarkan petikan di atas, huraikan persediaan-persediaan seseorang pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan.

- 4 Laporan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) menunjukkan Malaysia berada di kedudukan kedua Asia dan keenam di dunia pada 2020 bagi perbuatan buli siber dalam kalangan belia sehingga mencemarkan imej negara kita. Kita dikejutkan dengan laporan baru-baru ini apabila seorang pemilik akaun TikTok popular meninggal dunia kerana mangsa dipercayai membunuh diri di rumahnya selepas dilaporkan menerima komen kebencian bertubi-tubi di media sosial. Mungkin masih ramai rakyat Malaysia yang meremehkan kekerapan buli siber berlaku di Malaysia dan mungkin juga meremehkan kesan buruknya terhadap individu dan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Buli Siber: Kesan Psikologi dan Peranan Kita’
oleh Dr Alizi Alias
<https://ikram.org.my>

Petikan di atas menjelaskan kesan buruk apabila seseorang individu itu kerap dibuli secara dalam talian.

Sebagai pengguna media sosial yang bijak, huraikan kesan buruk yang terdapat dalam petikan dan kesan buruk lain apabila seseorang individu itu menjadi mangsa buli siber.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada kata adjektif untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sindrom makan malam (NES) didapati sering berlaku dalam kalangan individu yang berdepan masalah obesiti dan kesukaran tidur. Pengambilan makanan pada lewat malam disifatkan tidak sesuai diamalkan kerana boleh meningkatkan risiko kenaikan berat badan. Makan terlalu dekat dengan tempoh waktu tidur mungkin menyebabkan makanan tidak dapat dicernakan dengan betul. Terdapat kajian yang melaporkan bahawa pengambilan makanan lewat malam lebih tinggi dalam kalangan lelaki dewasa yang bekerja syif. Waktu malam sering dikaitkan dengan penurunan kadar metabolisme badan dan pengurangan aktiviti fizikal. Sekiranya tenaga berlebihan diambil pada waktu malam, tenaga yang tidak digunakan akan disimpan sebagai lemak dalam badan dalam jangka masa panjang sehingga boleh menyebabkan kegemukan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Elak Tabiat Makan Lewat Malam'
oleh Ercy Gracelle Ajos,
<https://www.bharian.com.my>, 2 November 2024

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat yang bergaris. Anda dikehendaki mengekalkan maksud dan struktur ayat tersebut.*

Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Makanan tradisi merupakan satu faktor kepelbagaian dan warna-warni budaya yang terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia. Kuih tradisional di Malaysia menjadi satu identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Hal ini menjadi satu sumber tarikan pelancong yang dapat menarik minat orang luar untuk mengunjungi negara yang penuh dengan kepelbagaian budaya ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kuih Tradisional Tempatan diancam Kepupusan'
oleh Mudiana Mokhsin,
Dewan Budaya, 10 Mei 2021

[6 markah]

- 3 Dalam bahan-bahan di bawah, terdapat **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Caklempong merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Alat ini dibuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan. Dalam tradisi terdahulu, caklempong dimainkan masa upacara pertabalan sultan. Kini, caklempong dimainkan dalam berbagai situasi, antaranya dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis, dan keramaian, malah turut menjadi muzik iringan bagi pancak silat dan tarian. Setelah melalui tempoh penyelidikan yang agak lama, caklempong diberi susunan baru berbanding dengan susunan diatonik ketika awal imigrasi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Asimilasi Seni: Caklempong'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Bahan 2

Terdapat pelbagai jenis tumbuhan yang digunakan untuk menjaga dan mengekalkan kesihatan. Banyak petua dan ramuan ubat diperbuat dari tumbuhan untuk kesihatan dan kecantikan diri. Tumbuhan ini dapat dikelaskan mengikut fungsi atau tujuan penggunaan. Walaubagaimanapun, terdapat petindihan fungsi dan penggunaan setengah jenis tumbuhan. Misalnya, ada tumbuhan yang digunakan untuk mengekalkan kesihatan selain boleh digunakan untuk merawat penyakit.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Amalan Kearifan Tempatan dalam Masyarakat Melayu/Nusantara'
oleh Salbani Ahmad Moghni, Othman Saad, A.Hamid Rahimah,
USM, 2013

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’ dalam
antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

- 5 *Dalam dialog di bawah terdapat beberapa peribahasa. Senaraikan **tiga peribahasa** tersebut dan kemukakan peribahasa yang **sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa itu.*

Cikgu Aini : Setiap orang mesti mempunyai kerjaya impian. Bagi mencapai cita-cita yang diimpikan, kamu perlulah berusaha dengan gigih kerana kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Aisyah : Saya mahu menjadi peguam seperti bapa saya. Saya akan belajar dan berusaha bersungguh-sungguh kerana alang-alang mandi biar basah.

Cikgu Aini : Wah, bersemangat kamu Aisyah! Nampaknya cita-cita kamu dipengaruhi oleh keluarga. Benarlah kata orang tua-tua bapa borek anak rintik

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Buli merujuk kepada perlakuan yang bersifat kejam, kasar dan merendahkan martabat individu lain. Buli melibatkan tindakan fizikal, emosi, verbal atau sosial yang dilakukan secara berulang-ulang dan sengaja untuk menyakiti, merendahkan atau mengintimidasi seseorang. Perlakuan buli sering dilakukan oleh individu atau kumpulan yang lebih kuat atau berkuasa terhadap mangsa. Tindakan buli bukan sahaja melanggar nilai kemanusiaan, tetapi juga memberi kesan negatif yang serius kepada mangsa serta masyarakat secara keseluruhan. Budaya buli boleh merosakkan hubungan sosial antara individu, menyebabkan isolasi dan kesukaran untuk membina hubungan yang sihat dan positif dengan orang lain. Mangsa buli mungkin *mengalami kesulitan* untuk percaya orang lain untuk membina hubungan yang stabil.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Buli Perosak Hubungan Sosial'
oleh Dr Nor Hazrul Mohd Salleh,
<https://www.bharian.com.my>, 2 Ogos 2024

Bahan 2

Buli ialah masalah sosial yang masih menjadi isu besar dalam kalangan masyarakat. Tindakan membuli juga boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk di sekolah, tempat kerja dan di rumah. Mangsa buli berkemungkinan mengalami kesan jangka pendek dan jangka panjang dalam tiga aspek iaitu fizikal, mental dan tingkah laku. Antara kesan kepada fizikal yang boleh dikenal pasti ialah kecederaan seperti luka atau lebam. Dari sudut emosi pula, mangsa boleh mengalami tekanan emosi dan kemurungan. Mangsa juga boleh alami kurang keyakinan diri dan tiada semangat untuk meneruskan hidup.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buli: Maksud, Jenis, Punca dan Kesan yang Perlu Anda Tahu'
<https://ecentral.my/buli>, 30 Jul 2024

Bahan 3



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *mengalami kesulitan*.

[2 markah]

- (ii) Merujuk **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan tindakan buli kepada mangsa.

[3 markah]

- (iii) Peningkatan masalah gejala buli sering berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya gejala buli dalam kalangan kanak-kanak dan remaja?

[3 markah]

- (iv) Anda sering melihat rakan sekelas anda dibuli oleh sekumpulan murid dari kelas lain pada waktu rehat walaupun dia tidak pernah melakukan apa-apa kesalahan kepada mereka.

Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan itu.

[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Saya ingin memahirkan lidah dengan bahasa ibunda kerana inilah saja khazanah warisan tinggalan bangsa yang mendiami bumi ini sejak sekian lama. Ilmu-ilmu berkaitan kewajipan perlu memenuhi dada saya sebagai *benteng ampuh* daripada segala anasir dan gejala hitam yang boleh meruntuhkan keperibadian sebelum bersedia untuk mengatur gerak langkah membina dunia baharu di ibu kota agung itu.

Lantas, berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. “Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belunggu penjajah. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel.”

Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’
oleh Zainal Rashid Ahmad,
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2**AKU MEMBACA LAGI**

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
menaakuli kebesaran-Mu
di bawahnya gumpalan mega
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam
kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi
membaca langit
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai
daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit
kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayuku
yang berdarah.

Dipetik daripada Sajak 'Aku Membaca Lagi'
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *benteng ampuh*. [2 markah]

(ii) Berdasarkan **setiap bahan**, nyatakan nasib bangsa yang terdapat dalam petikan. [3 markah]

(iii) Bahasa ibunda mencerminkan identiti dan jati diri sesuatu bangsa. Dengan memartabatkan bahasa ibunda, kita menunjukkan rasa bangga terhadap warisan budaya dan asal usul kita sebagai rakyat Malaysia.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah memartabatkan bahasa ibunda? [4 markah]

(iv) Anda sedang menyiapkan tugas tentang penggunaan bahasa Melayu dalam media sosial dan mendapati sebilangan pengguna gemar menggunakan bahasa rojak semasa membuat hantaran baharu di media sosial.

Sebagai murid yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan bagi mengatasi isu ini? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kita mempunyai satu pakej lengkap,” teruja Waheeda semasa menyarankan ayahnya menjadi pemandu pelancong, ibunya sebagai pengurus dapur, emak saudaranya sebagai ketua tukang masak dan yang lain di belakang tabir, selain Fatimah yang menjadi akauntan bagi menjaga kewangan syarikat Tajau Emas. Itu tiga tahun lepas, sebaik-baik dia membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak. Sehingga kini, pengunjug tidak pernah lekang dan rezekinya nampaknya semakin melimpah. ‘Kita tidak akan menemukan sesuatu tanpa mencari sesuatu,’ fikir Waheeda menyakinkan dirinya tentang usaha yang sedang dilakukan dalam memanfaatkan kebolehpayaan diri. Waheeda yakin.

Dipetik daripada novel *Tirani*
oleh Beb Sabariah,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berdasarkan petikan novel di atas, senaraikan pembahagian tugas dalam Syarikat Tajau Emas yang disarankan oleh Waheeda?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa watak utama yang dapat menarik perhatian pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.*

Bahan 1

Penyakit denggi disebarkan oleh kumpulan nyamuk *Aedes betina* yang telah dijangkiti dengan virus denggi. Gejala seseorang dijangkiti virus denggi ialah sakit kepala, demam, sakit sendi dan ruam. Tiada rawatan khusus digunakan untuk merawat penyakit denggi. Dalam masa yang sama, vaksin yang berkesan untuk digunakan bagi mencegah penyakit denggi juga masih belum ditemui hingga kini.

Gejala seseorang mengalami penyakit denggi ialah pesakit akan berasa sengal badan dan ruam. Selain itu, pesakit juga kurang selera makan dan minum menyebabkan lesu dan kurang aktif. Dalam fasa ini, pesakit denggi akan mengalami sakit perut yang serius, muntah, cirit-birit yang berterusan, juga pendarahan ketika menggosok gigi dan gusi. Sekiranya demam denggi dijangkiti oleh kanak-kanak, ibu bapa tidak boleh memberikan ubat steroid dan ubat antibiotik kepada anak-anak. Langkah terbaik yang perlu diambil adalah dengan memberikan rehat yang secukupnya dan memastikan anak-anak minum air masak secukupnya iaitu sekurang-kurangnya enam hingga lapan gelas sehari.

Orang ramai boleh mencegah jangkitan denggi pada peringkat individu dan keluarga bermula dengan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk. Oleh itu, tempat pembiakan nyamuk harus dibersihkan, selain membuang air takungan di semua tempat takungan yang terbiar. Di samping itu, penggunaan bahan pembunuh jejentik untuk memusnahkan pembiakan nyamuk harus diletakkan di tempat takungan air yang tidak boleh dibuang seperti tangki simpanan air di rumah. Kesedaran untuk membersihkan tempat pembiakan nyamuk dan tempat takungan air merupakan kesedaran sendiri yang tinggi. Persekitaran di rumah sendiri juga harus dibersihkan dengan baik menerusi tanggungjawab sendiri.

Dipetik dan diubah suai
daripada “*Aedes Kembali Menyerang*”
oleh Khairol Anuar Harith Fadzillah
Dewan Kosmik, 24 Januari 2022

Bahan 2

LANGKAH PENCEGAHAN DEMAM DENGGI

Elakkan menyimpan bekas yang boleh mengumpul air seperti piring pasu, tayar dan tin-tin

Memakai pakaian yang berwarna terang dan menutupi badan

Memasang jaring atau skrin serangga pada tingkap dan pintu

Bahan 3

WASPADA, KES DENGGI MENINGKAT! (SETAKAT MINGGU EPIDEMIOLOGI 42/2022)

JUMLAH KES
Meningkat 125.8% kepada 48,109 kes berbanding 21,308 kes bagi tempoh sama pada 2021

KEMATIAN
Meningkat 81.3% kepada 29 kes berbanding 16 kes bagi tempoh sama pada 2021

GEJALA DEMAM DENGGI
Jika tinggal di kawasan endemik & demam berserta 2 gejala berikut:

- Loya, muntah
- Ruam
- Sakit badan / sendi
- Bacaan sel darah putih rendah
- Tanda kronik:
 - Sakit perut
 - Muntah & cirit-birit berterusan
 - Pendarahan
 - Kelatihan melampau
 - Gelisah

51 HOTSPOT

- 30 Selangor
- 11 Sabah
- 1 Melaka
- 8 Kuala Lumpur & Putrajaya
- 1 Kedah

Keadaan hujan diselang-seli cuaca panas di negara kita mutakhir ini merupakan keadaan amat kondusif untuk nyamuk Aedes membiak. Periksa & musnahkan tempat berpotensi pembiakan nyamuk Aedes di dalam & di luar rumah sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu.

- Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Sumber: Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah; www.myhealth.gov.my
Diterbitkan: 27 Oktober 2022
Infografik Bernama

Sumber: Bernama

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/3

Kertas 3

Masa : Individu : 3 – 5 minit

Kumpulan : 12 – 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A perlu dijawab secara individu dan Bahagian B dijawab secara perbincangan dalam kumpulan yang merangkumi 3–5 orang calon.*
3. *Masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian A ialah 3 hingga 5 minit, manakala masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian B ialah 12 hingga 15 minit.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A : Taksiran Individu

[40 markah]

[Masa : 3 hingga 5 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEMA : KEBUDAYAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**Rampanau**



Rampanau popular dalam kalangan masyarakat Dusun terutamanya di daerah Tambunan, Keningau, dan Ranau di Sabah. Walaupun fungsi utama Rampanau adalah untuk menyeberangi sungai, parit atau kawasan becak pada suatu masa dahulu. Namun, alat ini juga merupakan sejenis permainan yang mempunyai unsur hiburan dan keseronokan. Rampanau dapat mencerminkan nilai dan norma kehidupan masyarakat.

Rampanau diperbuat daripada dahan pohon sagu, kayu keras dan dua batang buluh yang direka khas bagi menggantikan sepasang kasut dengan ketinggian antara tiga meter hingga 10 meter tinggi.

Antara kelebihan bermain permainan sukan rakyat ini ialah dapat meningkatkan kecerdasan kinestetik. Cabaran utama dalam permainan ini adalah untuk mengawal keseimbangan badan, kekuatan dan kelenturan otot. Bagi memastikan sukan ini tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, permainan ini telah dijadikan sebagai permainan rasmi yang disenaraikan dalam sukan rakyat di sabah.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahagian B : Taksiran Kumpulan

[30 markah]

[Masa : 12 hingga 15 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA : PERPADUAN

Perpaduan kaum perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat majmuk demi menjamin keharmonian dan kemakmuran negara.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/4

Kertas 4

30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

PETIKAN KEDUA : PETIKAN DIALOG

[8 markah]



Arahan :

Dengar petikan dialog ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. *Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
2. *Petikan dialog akan dibaca sekali lagi.*
3. *Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
4. *Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan dialog yang diperdengarkan.

- 1 Berdasarkan petikan dialog, dari manakah pelanggan Haikal?

[1 markah]

- 2 Apakah teknik yang digunakan pembeli untuk cuba menipu Haikal?

[1 markah]

- 3 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

(i)	Pembeli membuat pembayaran secara dalam talian dan meletakkan tarikh lain untuk bayaran tersebut dimasukkan ke dalam akaun penjual.	
(ii)	Resit sebagai bukti bayaran akan dikeluarkan oleh pihak pembeli selepas transaksi selesai dibuat.	
(iii)	Pembeli akan mengemukakan resit tersebut kepada penjual sebagai bukti bayaran.	


[2 markah]

4 Tulis **BETUL** atau **SALAH** bagi setiap pernyataan yang berikut.

(i)	Apabila pembeli sudah menunjukkan bukti pembayaran, penjual akan terus mengepos barang yang dibeli.	
(ii)	Pembeli akan membatalkan bayaran berjadual secepat mungkin setelah menerima barangan.	
(iii)	Bayaran dimasukkan dalam akaun penjual secara dalam talian.	

[2 markah]

5 Tindakan Haikal mengesan pembeli yang menipu.



[2 markah]

PETIKAN KETIGA : PETIKAN CERPEN

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan cerpen ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.


1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan cerpen akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

1. Lengkapkan maklumat di bawah.



[2 markah]

2. Berdasarkan petikan cerpen, penulis menyatakan bahawa dia ialah anak seorang _____

[1 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 3**.

3 Apakah gelaran bapa penulis yang dikenali oleh orang kampungnya?

- A Pak Wan Besi
- B Pak Daud Tukang
- C Pak Man Tukang
- D Pak Mail

[1 markah]

4 Senaraikan aktiviti yang dilakukan oleh “Apak” apabila tidak mempunyai kerja sebagai tukang rumah

(i): _____

(ii): _____

[2 markah]

6 Lengkapkan maklumat berikut.

Serai	Kunyit
<div style="background-color: #cccccc; border-radius: 15px; padding: 10px; display: inline-block;">Di celah pohon apakah penulis dapat mengutip pengalaman?</div>	
_____	_____

[2 markah]

PETIKAN KEEMPAT : PETIKAN RENCANA

[7 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan rencana ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan rencana ini akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan.

- 1 Vandalisme menyebabkan kerugian kepada harta persendirian dan _____.
[1 markah]
- 2 Perbuatan vandalisme berlaku disebabkan kegagalan remaja memenuhi lima keperluan asas iaitu:

Kasih sayang	_____	_____
_____	Kelangsungan hidup	


[3 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi **soalan 3**.

- 3 Yang berikut merupakan punca remaja terbabit dalam aktiviti vandalisme **KECUALI**
- A mereka merasa teruja serta seronok apabila berjaya melakukan kemusnahan.
 - B satu cara untuk menyesuaikan diri atau mendapat tempat dalam kalangan rakan sebaya.
 - C mahu menyatakan kemarahan atau kekecewaan terhadap orang atau suatu situasi
 - D ingin menunjukkan kekuatan fizikal dirinya.

[1 markah]

- 4 Lengkapkan maklumat yang berikut.



(X): _____

(Y): _____

[2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT